



Majlis Agama Islam Selangor

# Soal jawab berkaitan khitan dalam Islam



## Apakah yang dimaksudkan dengan khitan dalam Islam?

**K**HITAN dari sudut bahasa Arab merujuk kepada tempat yang dipotong daripada alat kelamin lelaki, manakala, dalam Kamus Lisan Al-'Arab menyebut, khitan sebagai kawasan yang dipotong daripada alat kelamin lelaki dan kawasan pemotongan daripada klitoris perempuan.

Bagi lelaki, ia bermaksud pemotongan keseluruhan kulit yang menutupi hasyafah sehingga tersingkap seluruh hasyafah.

Manakala, khitan bagi wanita pula merujuk kepada pemotongan sebahagian kecil daripada kulit pada bahagian atas faraj. Selain itu, khitan bagi lelaki disebut sebagai al-l'zar manakala khitan bagi wanita juga dikenali sebagai al-Khifadh.

## Apakah hukum khitan di dalam Islam?

Di dalam Islam, khitan adalah disyariatkan sebagaimana firman ALLAH SWT:

"Kemudian Kami wahyukan kepadamu (Muhammad), "Ikutilah agama Ibrahim yang lurus dan dia tidak termasuk orang-orang musyrik." (Surah al-Nahl: 123)

Intipati ayat ini adalah suruhan ALLAH SWT ke atas Rasulullah SAW dan umatnya untuk mengikuti ajaran Nabi Ibrahim AS. Di antara ajaran Nabi Ibrahim AS adalah khitan.

Berdasarkan hadis sahih, daripada Abu Hurairah RA, Rasulullah SAW bersabda:

"Nabi Ibrahim AS berkhitan ketika berumur 80 tahun." (Riwayat al-Bukhari & Muslim)

Dalam satu lagi hadis, diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA, Rasulullah SAW bersabda:

"Fitrah itu lima atau lima daripada fitrah adalah: khitan, mencukur bulu kemaluan, mencabut bulu ketiak, memotong kuku dan mencukur misai. (Riwayat al-Bukhari )

Menurut pendapat di dalam mazhab Syafie, hukum berkhitan adalah wajib

bagi lelaki dan juga perempuan sebagaimana pandangan Imam Nawawi di dalam kitab al-Majmuk.

## Apakah hikmah dari pelaksanaan Khitan?

Antara hikmah di dalam pensyariatan khitan di dalam Islam adalah:

1 Ia merupakan penyempurnaan ibadah dan juga kepuatan kepada perintah ALLAH SWT. Ianya adalah fitrah bagi umat Islam.

2 Khitan merupakan sebahagian daripada sunnah Rasulullah SAW dan juga Nabi Ibrahim AS.

3 Menjaga kebersihan dan kesucian. Kerana kesucian merupakan aras penting sebelum pelaksanaan ibadah. Di dalam syariat Islam, bahagian kulit kemaluan yang tidak dikhitan kebiasaannya, akan memerangkap najis yang boleh merosakkan ibadah seseorang.

4 Kemaluan adalah tempat kotoran keluar. Tanpa penjagaan kebersihan yang baik sebagaimana yang

dianjurkan oleh Islam, maka, penyakit akan mudah datang dari tempat tersebut.

## Adakah perbezaan antara amalan khitan di dalam Islam dengan amalan Female Genital Mutilation (FGM) yang dilarang oleh Organisasi Kesihatan Dunia (WHO)?

Terdapat perbezaan yang sangat besar antara amalan khitan yang disyariatkan di dalam Islam dengan amalan FGM yang dilarang dan dikecam oleh masyarakat dunia.

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan kali ke-87 yang bersidang pada 23 hingga 25 Jun 2009 berpendangan bahawa amalan berkhitan bagi wanita adalah sebahagian daripada syiar umat Islam. Manakala, FGM adalah bertentangan dengan amalan berkhitan yang ditetapkan oleh syarak.

Sehubungan dengan itu, selaras dengan pandangan jumahir ulama, muzakarah bersetuju memutuskan bahawa hukum berkhitan bagi wanita adalah wajib. Walau bagaimanapun, sekiranya ia boleh membawa kemudaratan pada diri, maka, ia perlu dielakkan.

Keputusan di atas dibuat setelah mengambil kira kajian yang dilakukan oleh pakar tentang amalan FGM dan juga amalan khitan yang dilakukan di dalam syariat Islam.

Secara umumnya, perbezaan antara amalan FGM dengan ibadah berkhitan adalah dari sudut bagaimana pemotongan itu dilakukan. FGM dilakukan dengan salah satu daripada 4 kaedah atau peringkat seperti berikut :

➤ **Peringkat pertama:** Clitoridectomy. ia merujuk kepada pembuangan sebahagian atau keseluruhan klitoris dan/ atau bahagian kulup.

➤ **Peringkat kedua:** Excision. ia merujuk kepada pembuangan sebahagian atau keseluruhan klitoris dan labia minora dengan atau tanpa pemotongan pada labia majora.

➤ **Peringkat ketiga:** Infibulation. ia merupakan peringkat yang kritikal di mana lubang bukaan vagina disempitkan dan pemotongan dan pembuangan labia minora dan labia majora dibuat, dengan atau tanpa pemotongan klitoris.

➤ **Peringkat keempat:** Peringkat Umum. ia merujuk kepada semua jenis prosedur yang menyakitkan kepada genitilia perempuan untuk tujuan bukan perubatan seperti tusukan, tikaman dan lukaan.

Kesemua amalan di atas amatlah berbeza dengan ibadah khitan yang disyariatkan di dalam Islam. Islam hanya mensyariatkan agar hanya sebahagian kecil sahaja kulit yang menutup klitoris dipotong sebagaimana hadis berikut:

Daripada Umm 'Atiyyah Al-Ansariyah berkata, sesungguhnya seorang wanita berkhitan di Madinah. Maka Rasulullah SAW bersabda kepadanya: "Janganlah kamu berlebih-lebihan kerana hal itu akan lebih mendatangkan kenikmatan bagi wanita dan lebih disukai suami." (Riwayat Abu Daud)

Berdasarkan hadis di atas, maka, jelaslah bahawa ibadah khitan yang diamalkan di dalam Islam tidak menyeka kaum wanita bahkan, ia merupakan suatu kemuliaan.



Majlis Agama Islam Selangor



mais\_officialhq



MAISgovmy